

Banjir kilat terburuk

Air naik sedalam satu meter, JPS diminta selenggara sistem perparitan

SABAK BERNAM – Hujan berterusan selama kira-kira empat jam menyebabkan Pekan Sabak Bernam dan beberapa kampung berhampiran dilanda banjir kilat sejak pagi semalam.

Antara kampung yang dinaiki air ialah Kampung Batu 38 Baroh; Bagan Nakhoda Omar; Banting; Teluk Rhu dan Sekendi ekoran hujan lebat dari jam 8 pagi hingga 11 tengah hari.

Rata-rata penduduk menyifatkan banjir kilat yang melanda kampung terlibat merupakan yang terburuk pernah berlaku dalam tempoh lebih 40 tahun.

Seorang penduduk, Shafie Komari, 54, berkata, dia yang akan menerima menantu Sabtu ini terpaksa menangguhkan kerja pemasangan khemah hari ini (semalam) berikutan halaman rumahnya digenangi air sedalam satu meter.

Shafie yang tinggal di Kampung Batu 38 Baroh berkata, persiapan perkahwinan anaknya, Nurul Syahidah, 25, telah diatur; bimbang jika banjir tidak surut dalam tempoh terdekat.

“Jumaat ni pun dah ada yang akan datang rewang, tapi saya risau kalau air depan rumah tak surut macam mana majlis nak berlangsung?” katanya kepada *Sinar Harian*.



“Jumaat ni pun dah ada yang akan datang rewang, tapi saya risau kalau air depan rumah tak surut macam mana majlis nak berlangsung?” - Shafie Komari

Katanya, dia tidak menyangka rumahnya itu akan dinaiki air memandangkan sebelum kejadian itu berlaku dia sempat ke tempat kerja dan hanya dimaklumkan isterinya menerusi telefon yang menyatakan rumah mereka dilanda banjir kilat.

Seorang lagi penduduk, Mohd Zamri Mohd Musri, 23, berkata, dia yang bersiap untuk ke tempat kerja kira-kira jam 8 pagi terkejut apabila

rumah keluarganya itu dimasuki air.

Menurutnya, dia bersama-sama adik beradik lain sempat memindahkan barangan elektrik dan beberapa barangan perabot ke tempat yang lebih selamat di dalam rumah.

Adiknya, Mohd Jamaluddin, 22, berkata, ketika itu dia sedang tidur di ruang tamu dan hanya dimaklumkan abang iparnya, Mohd Zamri Ibrahim, 38, yang rumah dinaiki air.

“Tak sangka pula air dari parit masuk ke dalam rumah, biasanya kalau hujan lebat sekali pun, air naik tak macam ini. Saya minta pihak berwajib atasi segera masalah ini,” katanya.

Abangnya, Mohd Radzi Mohd Musri, 29, berkata, kejadian banjir yang melanda rumah itu tidak diberitahu kepada ibunya, Rahmah Ariffin, 54, yang kini menerima rawatan pemulihan di hospital selepas terjatuh di bilik air.

“Saya rasa punca utama banjir kerana saluran parit sudah lama tidak dibersihkan menyebabkan sisa buangan bertakung dan tidak dialirkan dengan baik,” katanya.

Imam Masjid At-Taqwa Batu 38, Mahfuz Abdul Karim, 73, berkata, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diminta mengambil berat masalah itu dengan segera agar tidak terus membelenggu penduduk pada masa akan datang.

“Sistem perparitan di sini memang tak terurus dengan baik. Bagaimana kita nak elakkan kejadian seperti ini berlaku, jika JPS enggan selenggara sistem perparitan,” katanya.

Seorang penduduk, Maryam Mat Rasul, 50, berasa sedih selepas tiada pihak hadir membantu, apatah lagi sebuah kereta anaknya yang ada di rumahnya itu hampir tenggelam.

Maryam yang tinggal bersama suami dan seorang anak berkata, banjir kilat yang berlaku itu tidak pernah diduga, malah dia menjadi panik selepas rumahnya itu dimasuki air.



Mohd Radzi (kiri) dan Mohd Jamaluddin menunjukkan keadaan rumahnya yang dinaiki air.



Air memasuki ruang dapur memasak gerai makan Hasimah.

“Tempat tidur pun tak ada malam ini. Makan pun tak lagi. Keadaan teruk sangat, saya sedih kerana tak ada yang datang bantu saya. Ke mana saya nak mengadu pun tak tahu,” katanya.

Seorang peniaga kedai makan di Bagan Nakhoda Omar, Hasimah Jelani, 47, berkata, banjir kilat itu menjejaskan kehadiran pelanggannya disebabkan mereka terpaksa menggunakan kayu untuk meniti masuk ke dalam gerai terbabit.

“Saya mula memasak di gerai jam 5.30 pagi tadi (semalam), masih belum hujan lagi, tiba-tiba jam 7 pagi, saya sedar kat luar hujan gerimis hingga menyebabkan air parit hadapan masuk ke dalam gerai,” katanya.

Penyelaras Pusat khidmat Masyarakat (PKM) Dun Sungai Air Tawar, Ahmad Mustain Othman berkata, beliau amat berharap agar projek pembinaan Kunci Air Bagan Nakhoda

Omar disiapkan lebih awal daripada tarikh asal Disember depan.

Beliau berkata, pembinaan kunci air itu bertujuan melancarkan air parit daripada kawasan kampung setiap kali hujan supaya dapat dibuang ke Pantai Bagan Nakhoda Omar sekali gus mengatasi masalah banjir yang melanda kampung.

“Walaupun prasarana persekitaran belum siap, kita berharap agar pendawaian elektrik dapat dibina dahulu agar kunci air dapat dibuka dengan kaedah ‘automatik’, sebaliknya penduduk kampung pula terpaksa membukanya dengan cara ‘manual’.

“Kunci air dibuka secara ‘manual’ oleh penduduk dari jam 8 pagi hingga 12.30 tengahari (semalam) dan kemudiannya terpaksa ditutup semula disebabkan air pasang dan akan kembali dibuka jam 6 petang hingga 1 pagi esok (hari ini),” katanya.



Ahmad Mustain (kanan) meninjau projek Kunci Air Bagan Nakhoda Omar yang masih belum dapat digunakan, menjadi punca berlakunya banjir di beberapa kampung.



Sebuah kereta melalui jalan kampung yang ditenggelami air.